

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 | ISNIN

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan jumlah aset terkini Tabung Haji. Adakah benar Kerajaan terdahulu telah menjual banyak aset Tabung Haji dan membiarkan Tabung Haji dikuasai oleh orang bukan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan terkini aset Lembaga Tabung Haji (**TH**) pada 30 Jun 2020 seperti yang diumumkan dalam laporan prestasi **TH** setengah tahun pertama 2020 adalah berjumlah RM78.0 bilion dengan lebihan aset berbanding liabiliti sebanyak RM1.9 bilion.

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan **TH**, aset-aset yang kurang berdaya saing telah dipindahkan kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) yang dimiliki penuh oleh Kerajaan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Oleh yang demikian, **TH** tidak dikuasai oleh orang bukan Islam.

Sekian. Terima kasih.